

**BIT OF BYTE**

# VIRTUAL REALITY

**TAZKIRAH ICT :  
TABAYYUN DALAM ISLAM**

**How To Pick A Password  
– What Not To Do!**

**10** tambahan baru  
yang mengagumkan

**Microsoft**

**Office 2013**




## INTERNET : Oksigen di abad ini?

Oksigen adalah sejenis gas unsur kimia yang meliputi seluruh atmosfera bumi. Ia merupakan komponen utama yang digunakan dalam sistem respirasi makhluk hidup. Tanpanya, sebahagian besar organisma akan mati hanya dalam beberapa minit. Bilakah kali terakhir kita berfikir tentang oksigen? Oksigen tidak dapat dilihat tetapi ia ada di mana-mana dan kita menggunakannya setiap masa. Kita hanya akan bimbang apabila kita kekurangan oksigen. Perlu diingat, oksigen juga menyebabkan berlakunya proses pengaratan dan ia boleh dicemari! Apapun, kita selalu tidak memikirkannya namun terus menggunakannya tanpa kita sedari.

Pada hari ini pengguna internet di Malaysia berjumlah 21, 090, 777 orang berbanding populasi rakyat Malaysia yang hampir mencecah 31 juta orang. Ini bermakna, hampir 70% rakyat Malaysia menggunakan internet setiap hari. Bilangan pengguna internet seluruh dunia pula berjumlah 3.5 bilion. Teknologi jalur lebar juga semakin pesat berkembang dengan peningkatan kelajuan yang agak ketara. Namun Malaysia masih agak jauh ketinggalan dari segi kelajuan melebihi 10Mbps bagi setiap pengguna.

Fixed-broadband subscriptions by speed, selected countries, 2015



Di USM Kampus Kejuruteraan, kita agak beruntung kerana peningkatan kelajuan jalur lebar agak drastik. Kita bermula dengan kelajuan 2Mbps yang dikongsi lebih 3000 pengguna pada peringkat awal penubuhan kampus ini di Seri Ampangan. Bayangkan pada hari ini, kelajuan yang sama yang kita perolehi hanya untuk seorang pengguna internet di telefon pintar! Pada hari ini kelajuan jalur lebar yang kita perolehi di kampus ini adalah 1Gbps.



Kita mengharapkan kemudahan internet yang disediakan ini dapat dimanfaatkan sebaiknya serta menyokong keperluan pengajaran & pembelajaran abad ini. Internet bukan sahaja sebagai sebahagian daripada utiliti seperti air dan elektrik malah pada masa akan datang ibarat oksigen yang tanpanya hidup kita akan sunyi. Kita tidak perlu berfikir tentangnya, hanya menggunakannya sahaja.

We don't need to think about it...  
**Just use it!**

### 30KB Dari Ketua Editor



Perkembangan teknologi banyak membawa pembaharuan serta kesan positif dan negatif kepada masyarakat. Perkembangan teknologi yang dimaksudkan tidak hanya melibatkan aktiviti masyarakat dalam menjalankan kehidupan mereka, tetapi ia telah menjadi salah satu fenomena yang mewujudkan hubungan rapat diantara teknologi dan belia sehingga ada diantara belia-belia kini yang tidak boleh bergerak tanpa gadget atau pun teknologi (ICT) ini.

Kepekaan belia masa kini terhadap perkembangan teknologi bagi belia luar bandar dilihat pula dengan adanya perkhidmatan internet di pusat terpilih seperti perpustakaan dan siber kafe boleh dimanfaatkan sepenuhnya bagi mendapatkan pelbagai maklumat baru berhubung perkembangan semasa yang berlaku dalam negara. Masyarakat orang asli juga terdedah dengan perkembangan positif teknologi internet.

Kewujudan Information Technology and Communication (ICT) telah menjadikan masyarakat pada masa kini hidup dalam era globalisasi. Kebergantungan masyarakat terhadap penggunaan sains dan teknologi dalam apa jua aspek kehidupan serta penggunaan unsur-unsur kreatif sangat penting di dalam kehidupan seharian. Menurut Marshall McLuhan, masyarakat kini adalah digelar masyarakat zaman Elektronik. Hal yang demikian kerana kewujudan satelit dan internet yang menjadi

nadi utama khususnya golongan belia. Golongan belia lebih terdedah dengan ICT ini kerana mereka lahir pada zaman elektronik ini ( Marshall McLuhan).

Begitu juga dengan Allfin Toffler menyatakan bahawa ini merupakan gelombang ketiga peradaban manusia. Contohnya, belia kini mendapat pendedahan di sekolah mengenai ICT ditambah pula dengan kewujudan Sekolah Bestari telah membuktikan bahawa penguasaan teknologi maklumat dan komunikasi adalah sangat memberansangkan dan telah memberi impak yang positif dalam mencapai wawasan 2020. Justeru itu mendorong belia masa kini terlibat ke dunia ICT. Selain itu mengikut salah satu teori kemasyarakatan iaitu FUNGSIONALISME media berfungsi dalam pengembangan masyarakat mengapa? Kerana menurut teori



media selaku teknologi adalah salah satu sistem yang wujud dalam masyarakat.

Terdapat juga golongan belia yang menggunakan laman sosial ini untuk menjual barangan atau produk. Ini telah menjadikan laman sosial ini juga medium untuk mendapat pendapatan dan wujudlah usahawan-usahawan muda di kalangan belia masa kini menceburkan diri ke dalam dunia perniagaan atau lebih dikenali sebagai E-dagang.

# 6

## perkara anda perlu tahu tentang: iPhone 7, iPhone 7 Plus

APPLE memperkenalkan telefon pintar terbaharunya – iPhone 7 dan iPhone 7 Plus. Antara yang menarik ialah iPhone terbaharu ini menampilkan ciri-ciri utama termasuk cip pemproses A10 yang lebih efisien, fungsi kamera yang sofistikated dan butang 'home' yang peka tekanan. Berikut ialah ciri-ciri yang anda perlu tahu tentang iPhone 7 dan iPhone 7 Plus.

### 1. REKABENTUK



Hadir dengan dua saiz iaitu 4.7 inci dan 5.5 inci, dengan lima kemasan warna termasuk dua versi warna hitam baharu iaitu kemasan kusam dan hitam berkilat

### 2. HOME BUTTON TEKNOLOGI BARU



Butang home terbaharu yang lebih canggih agar tahan lama, lebih responsif dan sensitif terhadap tekanan serta boleh diselaraskan mengikut kehendak pengguna

### 3. TAHAN AIR DAN DEBU



Mempunyai reka bentuk yang hampir sama dengan 6s, keluaran terbaharu ini merupakan iPhone kalis air dan kalis percikan (juga kalis habuk) pertama pernah direka.

### 4. KAMERA



Penstabilan gambar optikal yang mengurangkan kabur akibat gegaran dan membolehkan kadar dedahan (exposure) sehingga tiga kali lebih baik berbanding 6s.

Apertur f/1.8 yang membenarkan sehingga 50 peratus cahaya dikesan oleh sensor dan secara tidak langsung memberikan kelebihan ketika mengambil gambar di dalam suasana pencahayaan rendah.

Quad-LED True Tone Flash – Empat lampu denyar LED pintar yang mengikut suhu warna dan 50 peratus untuk penghasilan gambar lebih jelas berbanding iPhone 6s.

Fungsi kamera 12MP yang dapat merakam video beresolusi tinggi sehingga 4K di samping kamera hadapan 7MP.

Ciri-ciri lebih yang terdapat hanya pada iPhone 7 Plus adalah kamera bersudut lebar dan telefoto 12MP yang juga membenarkan zoom sehingga 2x bagi optikal dan 10x bagi digital.

### 5. CIP PEMROSESAN A10



Antara cip paling berkuasa yang menawarkan kadar pemprosesan dua kali lebih pantas dan lebih efisien daripada iPhone 6. Mempunyai hayat bateri paling lama daripada mana-mana iPhone. Kapasiti ditingkatkan kepada 32GB, 128GB dan 256GB.

### 6. AUDIO

Untuk pertama kalinya, iPhone didatangkan dengan pembesar suara stereo. Pilihan Earpods bersama palam Lightning port atau fungsi wayarles AirPods yang boleh digunakan selama lima jam untuk satu kali pengecasan.



## CAMPUS MAP SYSTEM USM ENGINEERING CAMPUS



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA




PUSAT PENGETAHUAN, KOMUNIKASI & TEKNOLOGI  
CENTRE FOR KNOWLEDGE, COMMUNICATION & TECHNOLOGY


SISTEM CAMPUS MAP Pusat Pengetahuan, Komunikasi & Teknologi (PPKT) Kampus Kejuruteraan USM dengan kerjasama Pejabat Pengarah telah membangunkan sistem Campus Map untuk memudahkan warga kampus khususnya pelajar-pelajar baru mengenali dan mengetahui kemudahan perkhidmatan dan navigasi ke bangunan Pusat Pengajian dan Jabatan di Kampus Kejuruteraan USM.

**Antara fungsi-fungsi Campus Map adalah seperti berikut:**


### 1. Paparan "Campus Map" dalam bentuk Map atau Satelit



### 2. Setiap lokasi pilihan ditanda di dalam peta



### 3. Pautan laman web di setiap lokasi Jabatan dan Pusat Pengajian



### 4. Paparan "Street View" di setiap lokasi



Sistem Campus Map boleh diakses menerusi URL berikut:

<http://www.eng.usm.my/map>

## OneDrive untuk kakitangan USM

- Membolehkan capaian kepada storan 'cloud' dari mana saja (tablet, telefon bimbit, komputer peribadi)
- Ruang simpanan tersedia 1TB untuk setiap individu yang mempunyai akaun@usm.my
- Setiap fail yang dicipta menggunakan Office Online akan disimpan secara automatik di dalam OneDrive
- Memudahkan perkongsian dan capaian dokumen kerja dengan rakan sekerja

### Apai itu OneDrive?

OneDrive adalah perkhidmatan simpanan fail berasaskan awan 'cloud-based file hosting' milik Microsoft yang disediakan untuk pemilik akaun Microsoft. Capaian kepada dokumen yang disimpan di dalam OneDrive boleh dibuat melalui web browser dan file explorer yang terdapat di komputer anda. Untuk komputer yang dilengkapi dengan Windows 8, 8.1 dan 10, perisian OneDrive telah dipasang siap bersama sistem pengoperasian anda.

Set up your 1TB OneDrive for Business personal filestore\*

- Sync content across your devices
- Access files from virtually anywhere
- Share files with colleagues

\* Applies to those qualifying under the University's EES agreement

Selain itu, terdapat juga aplikasi OneDrive untuk Windows, Mac OS X, iOS, Android dan Windows Phone. Pengguna boleh memuat turun terus dari website <https://onedrive.live.com/about/en-us/download/>

**Untuk maklumat lanjut cara penggunaan OneDrive, sila mohon kursus yang ditawarkan di bawah program MyCPD.**

## TAZKIRAH ICT : \*~\*~\* { TABAYYUN DALAM ISLAM } ~\*~\*.

Firman Allah S.W.T di dalam Al-Quran Ayat 6 Surah Al-Hujurat yang bermaksud

*“Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan kebenarannya), supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini – dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) – sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.”*

Ayat 6 Surah Al-Hujurat mengajar kita agar berhati-hati dalam menerima berita dari orang-orang fasik. Sebab nuzul atau turunnya ayat ini ialah bersempena kisah seorang muslim yang bernama Al-Walid bin Uqbah bin Abi Mu'ad yang diutuskan oleh Nabi Muhammad S.A.W untuk memungut harta sedekah dari Bani Mustaliq. Kemudian apabila beliau ke Kampung Bani Mustaliq, tiba-tiba beliau melihat penduduk kampung beramai-ramai keluar untuk menunaikan sedekah. Al-Walid menyangkakan mereka sudah murtad lalu lari ke Madinah menghadap Baginda Nabi S.A.W, lalu menceritakan apa yang berlaku. Setelah mendengar berita itu, baginda mengerahkan bala tentera

untuk menyerang kampung Bani Mustaliq. Baginda melantik Khalid Al-Walid sebagai pemimpin bala tentera. Khalid Al-Walid bertindak menghantar perisik ke kampung tersebut untuk menyiasat apa yang berlaku. Sesampainya di sana, mereka terdengar suara azan dan melihat orang kampung menunaikan solat. Ternyata mereka tidak murtad sebagaimana didakwa oleh Walid bin Uqbah. Lalu Khalid Al-Walid dan bala tentera Islam kembali ke Madinah bertemu Rasulullah. Kemudian Allah menurunkan ayat 6 Surah Al-Hujurat sebagai teguran dan panduan buat orang beriman dalam menerima khabar berita dari orang fasik.

### PENGAJARAN

Sabda Nabi S.A.W yang bermaksud,

**“Berhati-hati itu dari Allah dan terburu-buru itu dari syaitan.”**

Kalau di zaman Rasulullah sudah ada umat Islam yang membawa berita palsu dan tidak betul, maka di zaman ini lebih-lebih lagi, terutamanya melalui media massa yang ada sekarang ini seperti TV dan akhbar. Ditambah pula dengan teknologi internet yang sedang

berkembang maju, dunia hanya di hujung jari, berita cepat tersebar tanpa memedulikan sama ada betul atau tidak. Yang penting ialah sensasi berita itu. Kebenaran menjadi perkara kedua dalam pertimbangan. Sebahagian rakyat bagaikan mendapat kedai kopi kedua di mana mereka bincangkan isu-isu semasa sama ada politik, ekonomi, sosial, agama dan lain-lain dalam internet.

Lebih buruk lagi, ada individu tertentu seolah-olah menjadikan internet sebagai tempat menyelesaikan masalah dalam kehidupan. Aplikasi WhatsApp, Telegram, Blog dan laman web sebagai media baru sangat berkesan dalam menyampaikan maklumat-maklumat terkini kepada masyarakat dengan pantas. Malangnya mereka tidak dapat membezakan yang mana benar dan yang mana salah. Ini kerana hilangnya kemahiran yang diajar oleh Allah S.W.T. melalui ayat di atas agar kita menyelidik berita yang disampaikan, lebih-lebih lagi di zaman moden yang penuh dengan kefasikan masa kini.

### Tips & Tricks

## How To Pick A Password – What Not To Do!

Manu Kashyap | March 11, 2016

According to a recent MasterCard study, each of us have an average of 10 different accounts, devices, or applications for which we have to enter a password at least once a week, and on average, we enter about eight passwords daily.

Unsurprisingly, only 16 percent of us say we never forget our passwords, which means 84 percent of us do, and have to change it at some point! On average it takes people 11 minutes to reset a forgotten password, which usually happens more than five times a month. That comes to more than 15 lost minutes per week, or more than 13 hours per year!

Perhaps it's the challenge of having to remember so many passwords that means many of us re-use the same password for our accounts. Only three in five people

use different passwords for different accounts. The problem with using the same password for many accounts is that once someone discovers one of your passwords they can access any of your devices or online accounts. In addition, a fifth of people use birthdays, 18 percent their pet's name, and 12 percent family names. These passwords are relatively easy for hackers to guess, gaining access to your sensitive information.

### So how can we protect ourselves?

The future of online security is the use of biometrics, which will help keep personal information secure without the need for passwords. For example, fingerprints are being used to confirm your identity when making a payment on smart phones. MasterCard is currently piloting “Selfie Pay,” which allows people to use the camera on their phone to

take a selfie as part of a two-step authentication process when shopping using mobile.

To ensure a photo is taken of an actual person, the sensors look out for motions like the blink of an eye. This advanced technology is yet to be made available to everyone, so in the meantime, here are some tips for picking and using passwords:

- Always use a combination of numbers, letters and other characters such as exclamation marks!
- Make it long – at least eight characters but ideally sixteen.

- Never use names, locations, phone numbers or birthdays.
- Use a mixture of upper and lower case characters.
- Don't use English words – most hackers assume passwords will be in English.
- Don't let websites remember your passwords.
- Use different passwords for different sites and devices.



# BERITA & INFORMASI

## Makmal Pengajaran PPKT Berwajah Baru

Bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar, pihak PPKT Kejuruteraan telah mengambil satu inisiatif dengan menukar semua computer baru di dalam Makmal Pengajaran.



Selari dengan misi PPKT iaitu berperanan sebagai pembekal perkhidmatan ICT yang kompeten dan berkesan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, sebanyak 125 unit komputer baru yang berkapasiti sederhana berjenama Acer telah dimuatkan kedalam makmal tersebut.



Ruang makmal yang boleh memuatkan sebanyak 149 orang pelajar dalam suatu masa ini telah dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu bahagian yang disediakan komputer oleh PPKT (125 unit) dan bahagian yang dikenali sebagai BYOD (Bring Your Own



Device) yang mana pelajar akan membawa laptop atau netbook masing-masing (24 unit) untuk digunakan di tempat yang di khaskan (2 row). Diharapkan dengan adanya komputer baru ini, sedikit sebanyak dapat membantu meningkatkan tahap kecekapan dan penggunaan perisian oleh pelajar-pelajar. Akhir kalam, pesanan untuk pengguna makmal ini, gunalah perkhidmatan yang disediakan dengan cermat dan berhemah untuk kelangsungan generasi selepas kita.

Teks: Suhaimi Saibon

Gambar: Mohd Kamal Mohd Noordin/Suhaimi Saibon

## Campusonline v2

Wajah baharu, dashboard aplikasi, responsive web design, self service (kemaskini alamat, konfigurasi aplikasi kegemaran, konfigurasi warna tema serta tukar kata laluan)


### Wajah baharu & Responsive

Rekabentuk baharu dan lebih menarik untuk semua jenis peranti (PC, tablet, dan telefon bimbit)



### Mudah

Dashboard aplikasi memudahkan warga USM mengakses aplikasi-aplikasi utama di dalam USM



### Self service

Mengemaskini alamat, konfigurasi aplikasi kegemaran dan warna tema serta menukar kata laluan SSO



### Single Sign On (SSO) rentas aplikasi

Pengguna hanya perlu login sekali untuk capai aplikasi di dalam dan luar USM seperti peti emel (Office 365)




# VIRTUAL REALITY

Trend menarik pada tahun 2016 ini merupakan virtual reality atau singkatannya VR. Virtual reality merupakan teknologi yang membuat pengguna dapat berinteraksi dengan persekitaran yang ada dalam dunia maya yang disimulasikan oleh komputer, sehingga pengguna merasa seperti berada di dalam alam maya tersebut. Di dalam Bahasa Malaysia virtual reality dikenali dengan istilah realiti maya.



Kelebihan utama dari virtual reality adalah pengalaman yang membuatkan perkembangan teknologi virtual reality saat ini memungkinkan bukan hanya deria penglihatan dan pendengaran saja yang dapat merasakan sensasi nyata dari dunia maya melalui virtual reality, namun juga dari deria-deria yang lain.

Teknologi virtual reality telah banyak digunakan dalam beberapa sektor utama seperti perubatan, penerbangan, pendidikan, pembinaan, pertahanan, hiburan dan lain-lain. Virtual reality sangat membantu dalam mensimulasikan sesuatu yang sukar untuk diterjemahkan secara langsung dalam dunia nyata.



Sebagai contoh dalam bidang pertahanan, tentera pelatih dapat mempelajari cara penerjunan sebenar dan latihan pertempuran dengan menggunakan teknologi virtual reality yang boleh memaparkan simulasi peperangan secara virtual. Perkara ini dapat meningkatkan lagi tahap kecekapan latihan peperangan ini serta lebih ekonomik.



Teknologi virtual reality juga telah lama digunakan serta sangat membantu dalam bidang penerbangan. Penggunaan virtual reality, para juruterbang dapat berlatih untuk menerbangkan pesawat secara virtual. Para juruterbang dapat merasakan sensasi menerbangkan pesawat tanpa perlu menggunakan pesawat yang sebenar. Ia juga dapat mengindarkan kecelakaan yang berlaku semasa latihan penerbangan.

Sejarah ringkas teknologi virtual reality dan alat yang digunakan dalam teknologi virtual reality.

(sumber Infografik dari InfoBBVA Innovation Center)

Sumber :

<https://www.codepolitan.com/virtual-reality-dan-perkembangannya>

# 3 tips to choosing the cloud model to fit your business



“Which cloud solution is right for your business?” As recent trends indicate, many businesses already have or will soon adopt cloud services. This widespread adoption is driven by a desire to modernize IT systems, create flexibility, and improve profitability. There are three main approaches to cloud solutions: private cloud, public cloud, and a mix of both known as hybrid cloud. Each approach has distinct advantages and disadvantages. When should you consider one over the other, and how can you choose the right cloud solution for your business, one that will work well in conjunction with your on premise operations? To find out, start by learning more about the pros and cons of each option, and consider the benefits each could provide for your organization.

## 1 Private cloud delivers security and control

Private cloud is appealing for many reasons, but the prime advantage is safety. In private cloud, businesses can securely maintain an internal network. This cloud is dedicated to your organization and protected by a firewall. When data security and regulatory compliance are major concerns, private cloud is often considered the optimal defense. Your IT team retains control over the cloud, which offers an additional measure of security. Conversely, this option is less scalable and more costly than public cloud. Growing a private network requires significant up-front expense, and the need to plan for capacity may lead to overbuying. Heavily regulated industries, like finance, banking, and healthcare, typically rely on private cloud.

## 2 Public cloud provides scalability and cost savings

Public cloud options tend to cost less than private. They offer a flexible way to scale networks based on consumption and business needs. The resources belong to an external service provider, freeing your IT from the day-to-day upkeep required to keep the network running. Servers can be quickly provisioned and pay-as-you-go models tie business expense more closely to business need. With public cloud, there's less guesswork involved, since you can pay for and build capacity where and when it's needed. However, public cloud can be less secure, so it's a poor choice if you have sensitive or valuable company data to protect.

## 3 Hybrid cloud offers the ideal mix for many

For many businesses, the ideal answer is a combination of both. Hybrid cloud blends what you need from private and public cloud options into one simple solution, mixing the safety and control of private cloud with the flexible growth and cost savings of public cloud. With hybrid, the hardest part is deciding on the right mix for your business. There's no single, one-size-fits-all answer, which is why some businesses approach the hybrid model with trepidation.

### How can you choose the right combination?

There are many technologies and providers to choose from, and each offers its own mix of data and applications for good cloud service. Since there are many moving parts in this decision, consider which mind-set guides you:

- Solving business problems first. Cloud is a tool, not a destination. Use your initial step to create a business case for utilising cloud technology. When you understand why your business needs it, the how and when of diving into cloud becomes easier.
- Starting with noncritical functions. If adopting the cloud is new for you or requires a cultural shift inside your company, begin with an easy project. As you become more comfortable with your choices, you can focus on more critical aspects of your business.
- Testing and testing again. As you transfer a service to the cloud, test security, uptime, and usability. Ensure the service level agreement claims of your provider stand up to your business's daily workload. Do their claims match the security and high availability needs of your company?


Credit to [www.hp.com](http://www.hp.com)

**Waktu Operasi Kaunter servisedesk@PPKT**

**5333**



Isnin - Khamis	8.30 Pagi	-	1.00 Tengahari
	2.30 Petang	-	5.00 Petang
Jumaat	8.30 Pagi	-	12.15 Tengahari
	3.00 Petang	-	5.00 Petang






# 10 tambahan baru yang mengagumkan dalam




## 1. Antara muka Gaya Moden

Antara muka asas yang ringkas dan minimum. Ciri ini membantu pengguna supaya lebih tertumpu kepada kerja dan tidak terganggu dengan objek hiasan di skrin.




## 2. Skrin Permulaan (Start)

Warna permulaan skrin mengikut kod warna seperti biru untuk Word, hijau untuk Excel dan jingga untuk PowerPoint. Senarai dokumen yang terkini dibuka untuk memudahkan pengguna membuat pilihan sekiranya perlu. Terdapat juga pilihan dokumen baru yang kosong, memilih dari templat, mencari dalam talian atau mencari dokumen pada cakera atau dalam folder.




## 3. Integrasi SkyDrive

Office 2013 direka untuk membolehkan penyimpanan hasil kerja di dalam talian seperti SkyDrive dan SharePoint.




## 4. Menyelaras seluruh Devices

Apabila dokumen Office disimpan di dalam talian, dokumen tersebut boleh dicapai oleh pengguna lain tanpa mengira masa dan tempat melalui Office 2013 atau WebApps dari pelbagai peranti. Microsoft telah menaiktaraf WebApps untuk Word, Excel, OneNote dan PowerPoint.




## 5. Skrin Sesentuh

Antara rekaan ciri baru adalah skrin sesentuh yang dapat memudahkan pengguna untuk melihat skrin seterusnya hanya dengan menggunakan sentuhan jari.




## 6. PDF Editing

Microsoft Word boleh membuka fail PDF, mengedit dan kemudian menyimpannya sebagai fail docx atau PDF. Apabila dibuka dalam Word, struktur asal fail dkekalkan mengikut struktur fail PDF.



## 7. Pemformatan Task Panes dalam Power Point

Format imej, bentuk dan objek lain dalam Power Point kini lebih mudah untuk dilihat dan dipilih dengan klik kanan pada imej. Pilih menu Format Picture untuk membuka skrin tugas Format Picture baru bagi menunjukkan pilihan pemformatan yang ada untuk objek itu.



## 8. Carta Lebih Mudah

Terdapat ciri Suggested Chart sebelum pengguna membuat pilihan sebenar. Pengguna boleh melihat kesesuaian data dan carta yang ingin dicipta melalui ciri pratonton.

## 9. Lebih Banyak Pilihan Grafik

Terdapat pelbagai pilihan untuk memasukkan gambar dari talian atau PC sendiri. Pilihan dalam talian termasuk Office Clipart, Bing, SkyDrive atau Flickr.

## 10. Login Account

Tab Account digunakan untuk menguruskan Backstage View, Themes dan akaun seperti SkyDrive, Facebook dan Twitter.



# PRODUK & PERKHIDMATAN PPKT



**Ingin mengetahui waktu solat dengan cara yang lebih mudah dan pantas?**

Memperkenalkan aplikasi iSolat untuk telefon pintar jenis Android! Ianya dapat memaparkan waktu solat seharian bagi seluruh Malaysia, di samping diingatkan apabila tiba masuk waktu solat.

Ciri-ciri

- Dapat memaparkan waktu solat untuk semua bandar-bandar utama di seluruh Malaysia.
- Lokasi boleh ditukar secara automatik atau manual.
- Data waktu solat sepanjang tahun.
- Waktu solat hanya perlu dimuat turun setahun sekali.
- Sesuai kepada mereka yang tidak melanggan pakej data.
- Boleh memaparkan waktu solat untuk tarikh tertentu.
- Pilihan paparan waktu solat menggunakan widget.
- Data solat daripada JAKIM / Majlis Agama Islam Negeri.
- Peringatan masuk waktu solat (azan, takbir atau nada peringatan).
- Petunjuk arah kiblat.
- Lokasi masjid & surau terdekat.
- Paparan tepat tarikh dalam kalendar islam.
- Paparan tarikh penting.
- Diberikan secara percuma.

Maklumat lanjut: <http://ppkt.eng.usm.my/iSolat>



## Sumbangan Artikel Bit of Byte

Sidang Pengarang Bit of Byte ingin mempelawa sesiapa yang berminat (staf dan pelajar) untuk menyumbangkan karya penulisan dalam bentuk artikel atau apa jua medium yang bersesuaian untuk disiarkan dalam buletin kami. Karya mestilah asli, menarik, bersesuaian serta berkaitan dengan bidang ICT. Setiap artikel yang disiarkan akan mendapat cenderahati eksklusif dari Sidang Pengarang. Sumbangan karya anda bolehlah disalurkan ke emel [sshakila@usm.my](mailto:sshakila@usm.my)

### Sidang Pengarang

**Ketua Editor**  
Sharifah Shakila Binti Md Saad

**Ahli**  
Pn Salina Binti Abdul Samat  
Pn Mashithah Binti Md Hasim  
En Mohamad Khairi Bin Osman  
En Wan Ahmad Sarbini Bin Wan Mohd Ali  
Pn Nurzalina Binti Nordin  
Tn Haji Mohd Amir Husaini Bin Abd Hamid  
Pn Hafsa Binti Mohd Sahar@Zahar

**Timbalan Pengarah**  
En. Mazlifendirizan Bin Md Rejab

**Penulis Jemputan**  
Pn. Shariza Binti Sharuddin  
En. Wan Ahmad Sarbini Bin Wan Mohd Ali

**Senireka & Grafik**  
Mohd. Kamal Bin Mohd. Noordin

**24/7 Online** : <http://sd.usm.my/ppkt>

**ServisDesk@PPKT-ENG**  
Hotline : 04-5995333

**znovate**

Sila masukkan Nama Pengguna dan Katalaluan Campus Online anda.  
Please enter your Campus Online Username and Password.

**id** Login with Identity